

# UMS lengkapi pelajar dengan kemahiran

UB 23 5 2573 AG

**LABUAN:** Kampus Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS) Labuan akan terus melengkapkan pelajarannya dengan kemahiran, kecekapan dan ilmu yang diperlukan untuk membolehkan mereka berkhidmat kepada rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, ekonomi dan pendidikan.

Sejajar dengan itu, kurikulum akademik dan latihan di UMS disusun untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran dan

sikap yang mereka perlukan untuk mendampingi orang ramai setelah menamatkan pengajian kelak.

Bagi mencapai objektif itu, beberapa topik penting berkaitan pemasaran dan tingkah laku pengguna dibentangkan pada satu seminar yang baru saja selesai diadakan, dengan pelajar tahun akhir diberi peluang untuk menilai kemampuan mereka, mengenal pasti kelemahan masing-masing dan mendedahkan diri mereka kepada perancangan yang tersusun sebelum memasuki pasaran pekerjaan.